

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI  
DI PERJUMPAAN MUHIBBAH DI SEKOLAH  
MENENGAH TUN ISMAIL, BATU PAHAT,  
PADA HARI JUMAAT, 26HB NOVEMBER,  
1976 - JAM 2.00 PETANG

---

Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Sa'at,  
Menteri Besar Johor,

Y.B. Datuk Haji Yusa,  
Ketua UMNO Bahagian Sri Gading,

Y.B. Datuk Syed Zain,

Y.B. Ahli-Ahli Majlis Kerja Negeri,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

---

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu  
Wataala kerana dapat sekali lagi beramah mesra  
dengan <sup>halusin</sup> ~~saudara-saudara~~ sekalian, penduduk kawasan  
Pilihanraya Sri Gading. ~~pada petang ini~~. Saya juga  
merasa terharu kerana perjumpaan ini ialah berupa  
perjumpaan kesyukuran. Pertamanya, untuk meraikan  
penerima-penerima bintang anugerah daripada Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di  
Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan  
Johor, dan di antara tetamu-tetamu yang telah  
diperkenan mendapat anugerah ini, termasuklah  
saya sendiri. Keduanya, majlis ini bolehlah di  
sifatkan sebagai bukti bagi kita melahirkan  
kesyukuran kita ke hadrat Allah, kerana kita  
telah dapat mengatasi beberapa cabaran daripada  
segi politik, ekonomi dan keselamatan.

2. Oleh yang demikian, marilah kita sekalian  
bersama-sama berdoa memohon keredaan Allah, semoga  
dapat kita meneruskan usaha kita membina masyarakat  
di kawasan ini, dan seterusnya bagi negara Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Sebagaimana kita sedia maklum, usaha-usaha sedang pesat dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, untuk meningkatkan lagi rancangan pembangunan untuk negara kita ini. Bagi daerah Batu Pahat, terutama dalam kawasan Sri Gading ini, beberapa rancangan akan dilaksanakan, yang sebanyak sedikit akan mengubah suasana dan rupa kawasan-kawasan di sebelah sini.

*Sebagaimana yang telah saya janjikan,*

4. ~~Saya telah diberitahu bahawa~~ Sebuah dewan orangramai ~~berharga \$400 ribu~~ akan dibina disini, bagi membolehkan kita mengadakan perjumpaan dalam suasana yang lebih selesa di masa akan datang. Setiap kali saya datang ke <sup>kawasan</sup> ~~Batu Pahat~~ ini, dan

5. Denikian juga saya ~~menyatakan~~ sebuah masjid baru ~~berharga \$10 juta~~ akan dibina ..4/-

di kampung Sungai Dulang Barat, dalam Daerah Mengit,

setiap kali kita mengadakan perjumpaan, kita sentiasalah mengharapkan rahim belas kasihan daripada Pengelola Sekolah Menengah Tun Ismail ini. Memang kita bersyukur di atas kemudahan yang telah diadakan itu, tetapi saya percaya bagi menampung keperluan masa depan, kita tentulah memerlukan satu balairaya yang lebih besar. ~~yang boleh memuatkan bilangan penduduk yang lebih ramai.~~ Saya ~~amat~~ sukacita bahawa usaha bagi membina Dewan Orangramai ini sudahpun dimulakan, dan peruntukan ~~sejumlah~~ wang sebanyak ~~\$40~~ ribu telahpun dikeluarkan untuk kerja-kerja permulaan.

5. Demikian juga ~~saya mendapat tahu~~ sebuah masjid baru ~~berharga \$40 ribu~~ akan dibinakan di kampong Sungai Dulang Darat, dalam Daerah Rengit,

bagi menggantikan masjid lama di kampong <sup>itu</sup> ~~tersebut~~  
<sup>keadaannya amatlah</sup> yang ~~telah~~ uzor. ~~itu~~. Wang peruntukan ini telah  
 juga dikeluarkan.

6. Saya suka <sup>juga</sup> ~~pula~~ mengumumkan bahawa sebuah  
jambatan ~~berharga \$120 ribu~~ akan dibina di Sri  
Bengkal, bagi mendekatkan perjalanan penduduk  
 sebahagian Mukim Enam dan Tujuh ke Pekan Sri  
Gading dan bandar Batu Pahat. Jambatan ini akan  
 memudahkan pengangkutan barang-barang pengeluaran  
 hasil kampong untuk dipasarkan.

7. Dalam bidang pertanian pula, satu projek  
 kawasan sawah Asam Bubok yang menjadi masaaalah  
 besar kepada rakyat sehingga ini, sedang diusahakan

oleh pihak SEDC Johor untuk tanaman kelapa sawit.  
*Check* Pihak Kerajaan Pusat telahpun memberikan pinjaman  
 sebanyak \$1½ juga, bagi menjayakan kawasan tersebut  
 dengan tanaman kelapa sawit. Saya percaya dengan  
 adanya ladang kelapa sawit ini, maka corak  
 penghidupan petani di kawasan ini akan juga  
 berubah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8. Saya mempunyai penuh harapan bahawa usaha-  
 usaha Kerajaan ke arah meningkatkan lagi  
 pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara, akan  
 juga memberi kesan ~~yang besar~~ kepada rakyat dalam  
 Daerah Batu Pahat, khasnya penduduk-penduduk di  
*kawasan*  
~~Pari Raja~~ ini.

9. Sebagaimana kita sedia maklum, Daerah Batu Pahat adalah kaya dengan pengeluaran pisang, kelapa dan ubi. Tetapi yang menjadi masalah <sup>yang</sup> ialah pemasaran hasil pertanian, telah menghalang penduduk-penduduk memperolehi pendapatan yang sewajarnya. Ini merupakan masalah kepada petani-petani kita seluruhnya. Bagi mengatasi keadaan ini, pihak FAMA telahpun diarahkan supaya menubuhkan pusat-pusat pemasaran barang-barang pertanian, bagi membantu petani-petani ini.

10. ~~Saya diberitahu~~ satu kajian sedang dijalankan bagi menubuhkan <sup>sebuah</sup> ~~satu~~ pusat seperti ini di Parit Raja, untuk kemudahan penduduk-penduduk di kawasan ini. Saya harap FAMA akan benar-benar berusaha

untuk meringankan petani-petani dalam soal pemasaran bahan-bahan pertanian kampong. ~~ini~~.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Saya <sup>berpuas</sup> ~~merasa~~ amat puas hati dengan kegiatan yang telah dijalankan oleh pihak Risda dalam usaha penanaman semula dan tanaman baru bagi meningkatkan pengeluaran hasil getah di Johor.

~~ini~~. Dalam Negeri <sup>Johor,</sup> dari jumlah lebih kurang 700 ribu ekar kebun getah lama yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil, yang telah diluluskan untuk tanaman semula, seluas 550 ribu ekar telah pun diusahakan setakat ini. Bakinya, kira-kira 150 ribu itu sedang diselenggarakan. Dalam

kawasan Pilihanraya Sri Gading ini sahaja, Risda telah meningkatkan usaha dengan memberi bantuan tanaman semula kepada lebih 50 ribu ekar tanah getah lama.

12. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, penanaman semula getah, akan diteruskan secara besar-besaran. Bantuan kepada pekebun-pekebun kecil, yang mempunyai kebun seluas 5 ekar atau kurang, akan diutamakan. Anak-anak pokok getah yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi, akan dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil ini. Matlamat Kerajaan, sebagaimana yang telah ditentukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dalam usaha penanaman semula dan baru ini,

ialah 500 <sup>ekar</sup> ribu untuk Semenanjung <sup>jung</sup> Malaysia, 35 ribu ekar untuk Sabah, dan 62,500 ekar untuk Sarawak.

13. Selain dari menyalurkan bantuan ini, Risda juga menjalankan kegiatan-kegiatan lain, khususnya membangkit kesedaran di kalangan pekebun-pekebun kecil supaya lebih berusaha. Semangat seperti ini amatlah perlu dipelihara setiap masa, supaya pekebun-pekebun kecil getah, disamping bekerja bersungguh-sungguh meningkatkan pengeluaran serta meninggikan mutu hasil pengeluaran mereka, dapat bersama-sama dengan rakyat lain melibatkan diri dalam pembangunan negara. Mereka hendaklah

juga merebut segala peluang yang disediakan oleh Kerajaan, dalam bidang yang lain berkaitan dengan perusahaan getah, untuk menambahkan pendapatan mereka. Dengan ekonomi yang lebih kukuh, saya percaya pekebun-pekebun kecil boleh dapat menikmati sara hidup yang lebih lumayan lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

14. Bagi menampung keperluan yang meningkat dari pekebun-pekebun kecil getah, memproses dan memasarkan hasil mereka, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia *di Semenanjung Malaysia* (MARDEC) telahpun menubuhkan 14 buah kilang getah mutu Malaysia (SMR). Kilang-kilang ini mempunyai jumlah keupayaan memproses sebanyak hampir 150 ribu

tan setahun ~~untuk~~ susu getah dan getah perca.

15. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, MARDEC akan mendirikan 25 buah lagi kilang serupa ini, yang akan menelan belanja \$99 juta. Lima dari jumlah ini, mungkin akan dibina dalam negeri Johor.

Pada masa ini, MARDEC mempunyai 2 buah kilang di Johor, iaitu di Gersik dan di Kulai.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

16. Kemajuan yang pesat dalam sektor pertanian adalah perlu, bagi mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru. Usaha-usaha yang lebih berkesan sedang dan akan terus dilaksanakan, bagi faedah petani-petani

seluruhnya. Dasar-dasar, projek-projek dan rancangan-rancangan yang lebih tegas dan tersusun, akan dijalankan bagi menambahkan hasil pendapatan petani-petani. Ini termasuklah mengadakan kemudahan-kemudahan yang boleh membaiki keadaan hidup mereka.

17. Dalam bidang ini, Jabatan Pertanian Negeri telah diuntukkan perbelanjaan sebanyak \$8 juta dalam masa lima tahun ini, untuk mengendalikan 10 projek utama dalam pembangunan pertanian di Negeri Johor ini. Rancangan-rancangan itu termasuklah memberi bantuan tanaman, bantuan baja dan membajak tanah, sekim menggalakkan pertanian secara moden dan berjentera, dan bantuan menanam koko.

18. Di bawah rancangan bantuan menanam koko, kawasan luas sejumlah 6,500 ekar kebun-kebun kelapa di Mukim Sungai Punggor dan Mukim Sungai Keluang dalam Daerah Batu Pahat, akan diusahakan dengan tanaman selingan koko dalam masa lima tahun ini. Pokok-pokok koko dari baka mutu tinggi yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak, akan ditanam di antara pokok-pokok kelapa. Projek ini bertujuan menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa di kawasan tersebut. Tiap-tiap peserta rancangan ini, akan menerima bantuan berupa bahan tanaman, baja dan racun serangga ~~berharga sejumlah \$864~~ yang akan diberi dalam jangka masa tiga tahun.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Saya merasa amat bertuah mempunyai rakan seperjuangan saya dalam kawasan Pilihanraya Sri Gading, Datuk Haji Yusa dan Datuk Syed Zain, yang sangat aktif. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini, sentiasa bergerak cergas dalam kawasan, melawat kawasan ini untuk mengetahui dan memahami kehendak-kehendak rakyat. Saya menaruh penuh keyakinan kepada kedua-dua mereka ini, untuk mengisi kekosongan kegiatan-kegiatan yang patut disumbangi oleh saya sendiri. Saya juga berterima kasih kepada Y.A.B. Tan Sri Datuk Haji Othman Sa'at, yang juga sentiasa melayani kemahuan penduduk-penduduk di kawasan saya ini.

20. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sekalian sedia maklum, tanggungjawab saya sebagai Perdana Menteri dan pucuk pimpinan Parti amatlah berat. Disamping menjalankan tugas sehari-hari di Pejabat, serta melakukan upacara-upacara resmi, saya juga terpaksa membuat lawatan-lawatan ke tempat-tempat lain di negara ini.
21. Sungguhpun saya telah dua kali melawat Negeri Johor, tetapi saya belum lagi mempunyai kesempatan melakukan lawatan resmi ke beberapa buah negeri yang lain. Saya harap penduduk-  
penduduk kawasan Sri Gading, akan <sup>*bertimbang rasa dan*</sup> ~~benar-benar~~ memahami kedudukan saya jika saya jarang-jarang datang ke kawasan ini kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

22. Sekalipun saya tidak dapat kerap melawat Negeri Johor atau Sri Gading, tetapi percayalah, saya sentiasa mengikuti perkembangan kemajuannya. Dari itu janganlah bimbangkan, iaitu kebajikan dan kepentingan rakyat di Negeri Johor, khususnya di kawasan Sri Gading ini, adalah sentiasa dalam ingatan saya. Insya Allah, dengan berkat doa rakyat jelata, saya akan terus memperjuangkan cita-cita suci untuk kebahagiaan, kesejahteraan dan kemakmuran negara dan bangsa seluruhnya.

..18/-



Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

22. Sekalipun saya tidak dapat kerap melawat Negeri Johor atau Sri Gading, tetapi percayalah saya sentiasa mengikut perkembangan kemajuannya. Dari itu janganlah dibandungkan, iaitu kepajikan dan kepentingan rakyat di Negeri Johor, khususnya di kawasan Sri Gading ini, adalah sentiasa dalam ingatan saya. Insya Allah, dengan berkat doa



**PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI**



No Siri ..... 227  
No Penerimaan ..... 34/78

31 JUL 1978